



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 45 (05 NOVEMBER – 11 NOVEMBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,435 kes berbanding 2,221 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 214 kes (9.63%). Terdapat dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-45 adalah sebanyak 103,371 kes berbanding 52,977 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 50,394 (95.1%). Manakala sejumlah 80 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 37 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-45 adalah sebanyak 70 lokaliti berbanding 67 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 70 lokaliti yang dilaporkan, 45 lokaliti di Negeri Selangor, tujuh (7) lokaliti di Perak dan WPKL & Putrajaya, lima (5) lokaliti di Negeri Sabah, dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan & Pulau Pinang serta masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Pahang dan Sarawak.

Bagi surveilan chikungunya, terdapat 3 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-45. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 184 kes. Bagi surveilan zika, sebanyak 3,159 sampel darah dan 331 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Semua lapisan masyarakat perlu berganding bahu dalam usaha mengurangkan kejadian kes demam denggi yang semakin meningkat di Malaysia terutamanya semasa dan selepas kejadian banjir. Semasa bencana banjir, semua pihak yang menggunakan pusat pemindahan sementara (PPS) perlu bersama-sama menjaga kebersihan dan membuang sampah di tempat yang telah disediakan. Apabila banjir surut dan mangsa banjir dibenarkan kembali ke kediaman masing-masing, lakukan aktiviti gotong-royong serta lupuskan barang yang tidak digunakan lagi di tempat yang telah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Sampah yang tidak diuruskan dengan baik akan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes kerana nyamuk Aedes hanya memerlukan air yang minima untuk bertelur. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


20 November 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-45 & ke-44 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-45), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-45 tahun 2023